



SIARAN MEDIA

NRES FOKUS EMPAT SKOP PROJEK BERKEUTAMAAN TINGGI KAMPUNG DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) memberi fokus kepada empat (4) skop projek berkeutamaan tinggi untuk Kampung Angkat MADANI (KAM) dan Sekolah Angkat MADANI (SAM) Ketua Setiausaha NRES melibatkan Kampung Nangka Siam dan Kampung Lahar Tunjung serta Sekolah Kebangsaan Pokok Asam, Pendang, Kedah bagi tahun ini.

Skop KAM merangkumi projek pembinaan telaga tiub sebagai sumber air alternatif. Projek ini merupakan usaha bagi menyelesaikan masalah gangguan bekalan air yang sering dihadapi oleh penduduk setempat. Selain itu, projek menaik taraf jalan kampung yang melibatkan penurapan jalan-jalan berlubang dan keperluan akses jalan baharu; menaik taraf dewan awam sebagai pusat aktiviti masyarakat bagi pelaksanaan pelbagai aktiviti yang berfaedah di kalangan penduduk dan menaik taraf kawasan perkuburan di Kampung Lahar Tunjung.

Secara purata kemajuan projek yang memperuntukan sejumlah RM1juta sudah mencapai 30% dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2025. Pembangunan untuk kampung ini dibuat susulan ia berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai komuniti yang sejahtera, berdaya tahan dan lestari.

Bersempena KAM tahun ini, NRES telah menganjurkan program Semarak Desa KAM di Kampung Nangka Siam pada Jumaat lepas dengan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim. Program itu merupakan inisiatif NRES untuk mendekati masyarakat luar bandar melalui pelbagai aktiviti dan penyampaian perkhidmatan secara langsung kepada komuniti setempat.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr. Ismail Parlan serta wakil-wakil rakan strategik dan komuniti KAM.

Beberapa pengisian menarik dianjurkan persembahan kebudayaan seperti tarian komuniti Siam, silat, muay thai, sukan rakyat, sukaneka serta perkhidmatan kaunter agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan dan ASNB. Lebih istimewa, pertunjukan gajah oleh Jabatan PERHILITAN turut menjadi tarikan utama kepada pengunjung.

Projek KAM turut melibatkan rakan strategik melalui pendekatan *whole of government*. Antaranya, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah yang akan melaksanakan sebahagian daripada kerja-kerja menaik taraf jalan kampung dan pemasangan lampu jalan.

Manakala, Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan melaksanakan pengalihan tiang yang kurang strategik dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang akan menyelesaikan masalah capaian internet di sekitar kawasan kampung selewat-lewatnya September 2025.

KAM merupakan inisiatif utama Kerajaan MADANI dalam usaha memperkasa kesejahteraan komuniti luar bandar melalui penyediaan kemudahan asas yang lebih baik, serta pendekatan holistik dalam menangani isu-isu kemiskinan dan pembangunan setempat.

Selain KAM, NRES turut memberi penekanan kepada pembangunan modal insan melalui pelaksanaan Program Sekolah Angkat MADANI NRES di Sekolah Kebangsaan Pokok Asam (SKPA). Beberapa projek dan program melibatkan peruntukan berjumlah RM100 ribu akan dilaksanakan melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan fasiliti bilik darjah bagi menyokong pelaksanaan program *Smart Classroom*.

Selain itu, aktiviti Pemantapan *Digital Learning* juga dilaksanakan bagi memperkasa murid-murid dengan kemahiran digital yang relevan dengan keperluan semasa.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
26 JULAI 2025

